

D740

U B912 AAB
LEAD RAZALEIGH R'R'R'

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 TENGKU RAZALEIGH HAMZAH HARI INI MENYATAKAN KESEDIAANNYA MENEMUI PERDANA-MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MEMBINCANG SOAL PERPADUAN MELAYU.

KATANYA BELIAU MENYAMBUT BAIK CADANGAN BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN SUPAYA BELIAU MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO.

+SAYA BERSEDIA UNTUK BERJUMPA DENGAN PERDANA MENTERI BAGI MEMBINCANG PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENGUKUHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU,+ KATA TENGKU RAZALEIGH PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR.

KATANYA BELIAU JUGA TIDAK MENGENAKAN SEBARANG SYARAT BAGI PERTEMUAN ITU.

TENGKU RAZALEIGH BERKATA BELIAU MENERIMA CADANGAN MENGENAI PERTEMUAN ITU DENGAN FIKIRAN TERBUKA.

+PERJUMPAAN ITU BOLEH DIADAKAN PADA BILA-BILA MASA DAN DI MANA-MANA SAHAJA. LEBIH BAIK SECEPAT MUNGKIN,+ TAMBAH BELIAU.

+HENDAKNYA KITA CUBA MENGHASILKAN CITA-CITA PERPADUAN INI SECARA POSITIF DAN TIDAK ADA SEBARANG PERKARA YANG PATUT DIJADIKAN PENGHALANG KEPADA PENYATUAN ORANG MELAYU DAN RAKYAT NEGARA KITA.+ -- LAGI

1511MST 17 11 89

D741

U B913 AAB
LEAD RAZALEIGH 2 KUALA LUMPUR

TENGKU RAZALEIGH BERKATA DALAM KONTEKS YANG SAMA DAN DEMI KEPENTINGAN PERPADUAN ORANG MELAYU DAN RAKYAT MALAYSIA SELURUHNYA, PARTI SEMANGAT 46 TELAH BERSETUJU MENGADAKAN KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN DENGAN PARTI-PARTI LAIN, TERUTAMA DALAM ANGKATAN PERPADUAN UMMAH, YANG AKAN DIPERKUKUHKAN LAGI DENGAN KERJASAMA SEMUA PIHAK.

DALAM PERJUMPAANNYA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR SABTU LEPAS, TUNKU ABDUL RAHMAN MENCADANGKAN SUPAYA PERTEMUAN ITU DIADAKAN UNTUK Mencari JALAN MENYELESAIKAN MASALAH PERPADUAN MELAYU.

DATUK SERI DR MAHATHIR DUA HARI LEPAS TELAH PUN MENGULANGI KESANGGUPANNYA UNTUK MENEMUI TENGKU RAZALEIGH.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA SEBELUM INI PUN BELIAU BERSEDIA MENEMUI TENGKU RAZALEIGH PADA BILA-BILA MASA. -- LAGI

1512MST 17 11 89

D742

U B914 AAB

LEAD RAZALEIGH 3 KUALA LUMPUR

TENGGU RAZALEIGH BERKATA PENYATUAN ORANG MELAYU AKAN MEMBUKA PELUANG UNTUK MERINTIS JALAN MENGATASI BANYAK MASALAH, TERMASUK ISU SOSIAL, POLITIK DAN EKONOMI.

+KITA PERLU MENGAMBIL PENDEKATAN YANG SECARA MENYELURUH UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH INI,+ KATA BELIAU.

KATANYA LAGI, BELIAU AKAN MEMBAWA SEGALA PERIHAL YANG BELIAU FIKIRKAN PENTING PADA PERJUMPAAN ITU NANTI UNTUK MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU DAN RAKYAT MALAYSIA SELURUHNYA.

MENGENAI CADANGAN DATUK SERI DR MAHATHIR AGAR TUNKU MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI +ORANG TENGAH+ DALAM USAHA MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU, TENGGU RAZALEIGH BERKATA BELIAU JUGA INGIN MELIHAT TUNKU MEMAINKAN PERANAN ITU.

+TUNKU SUDAH TENTU INGIN MELIHAT MALAYSIA MENJADI SEBUAH NEGARA YANG KUKUH DAN BERSATU-PADU. APATAH LAGI BELIAULAH YANG MEWUJUDKAN NEGARA INI,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM UCAPAN DASAR PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO HARI INI, BERKATA BELIAU YAKIN TUNKU DAPAT MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI ORANG TENGAH YANG TIDAK MEMIHAK KEPADA MANA-MANA PIHAK +TETAPI HANYA KEPADA KESELURUHAN ORANG MELAYU DAN NEGARA MALAYSIA.+

-- BERNAMA

1515MST 17 11 89